

→ PENGIKTIRAFAN

QUACQUARELLI SYMONDS (QS) WORLD UNIVERSITY RANKING 2017-2018

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]



Idris bersama Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Mary Yap Kain Ching dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur beramah mesra dengan Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr Asma Ismail (kiri); Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Wahid Omar (dua dari kiri); Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali (tiga dari kiri); Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris (empat dari kiri) dan Naib Canselor UM, Prof Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud (lima dari kiri) selepas sidang media di Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya, semalam.

Lima universiti di Malaysia tersenarai 300 terbaik dunia

• Kementerian pertimbang beri insentif sebagai galakan tingkat bidang penyelidikan

Oleh Suhaila Shahrul Annuar dan Faizatul Farhana Farush Khan
bhnews@bh.com.my

■ Putrajaya

Universiti penyelidikan (RU) Malaysia melakar sejarah apabila tersenarai dalam kalangan 300 universiti terbaik dunia, berdasarkan senarai dikeluarkan Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking 2017-2018.

Universiti terbabit adalah Universiti Malaya (UM); Universiti Putra Malaysia (UPM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata pencapaian itu meletakkan semua universiti itu dalam kelompok satu peratus teratas dunia daripada 26,000 universiti di seluruh dunia. “UM dan UPM menunjukkan pe-

Kedudukan QS World University Rankings

Universiti	2013/2014	2017/2018
UNIVERSITY OF MALAYA	167	114 ▲ 53
UPM	411	229 ▲ 182
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	269	230 ▲ 39
UTM	355	253 ▲ 102
USM APEK	355	264 ▲ 91
Universiti Malaya	167	114 ▲ 53
Universiti Putra Malaysia	411	229 ▲ 182
Universiti Kebangsaan Malaysia	269	230 ▲ 39
Universiti Teknologi Malaysia	355	253 ▲ 102
Universiti Sains Malaysia	355	264 ▲ 91

GRAFIK BH

ningkatan untuk lima tahun berturut-turut iaitu dari 2013 hingga tahun ini, yang mana UM kini berada pada kedudukan ke-114 universiti terbaik dunia, meningkat 19 tangga berbanding 133 tahun lalu, sekali gus meletakkannya di amang kelompok 100 terbaik dunia.

Enam prestasi utama dinilai

“Enam petunjuk prestasi utama dinilai QS untuk penarafannya ialah reputasi akademik (40 peratus); reputasi majikan (40 peratus); nisbah pelajar kepada pensyarah (20 peratus); nisbah sitasi (petikan) kepada pensyarah (20 peratus); pensyarah antarabangsa (lima peratus) dan pelajar antarabangsa (lima peratus),” katanya dalam sidang media, semalam.

Berdasarkan senarai itu, UPM yang kini berada di kedudukan ke-229 universiti terbaik dunia menunjukkan peningkatan paling memberangsangkan dalam tempoh lima tahun apabila melonjak 182 tangga dari kedudukan ke-411

pada senarai 2013-2014.

UKM pula meningkat 72 tangga di kedudukan ke-230 berbanding 302 tahun lalu, UTM berada di kedudukan ke-253 dan USM pada kedudukan ke-264. Daripada 26,000 universiti seluruh dunia, hanya 980 disenaraikan pendek QS untuk kedudukan dunia mereka.

Idris berkata, pencapaian itu baik bagi landskap pendidikan tinggi negara, terutama apabila tahun ini pihak kementerian meraihkan 10 tahun memperkenalkan inisiatif RU dengan harapan dapat merangsang dan membudayakan penyelidikan, penerbitan serta inovasi.

Jana lebih RM6.18 bilion

“Antara 2007 hingga tahun lalu, universiti penyelidikan negara menjana lebih RM6.18 bilion untuk negara, iaitu 55.3 peratus Pulangan Pelaburan Penyelidikan (RoRI) daripada pelaburan awal kerajaan iaitu RM3.98 bilion.

“Kementerian yakin dengan pe-

rancangan strategik seperti digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, sasaran menempatkan universiti tempatan dalam ranking 100 terbaik dunia dapat dicapai lebih awal daripada jangkaan,” katanya.

Sementara itu, Idris berkata, kementeriannya akan mempertimbangkan cadangan pemberian insentif kepada universiti terbabit sebagai galakan untuk mengembangkan bidang penyelidikan.

Beliau berkata, ketika ini banyak negara luar, seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan Australia, menawarkan dana penyelidikan kepada universiti di negara masing-masing yang menunjukkan pencapaian memberangsangkan.

“Kami (KPT) turut memberi pengiktirafan dalam bentuk anugerah kepada universiti terbabit. Keperluan menawarkan insentif kewangan ini akan kita lihat dan bincang,” katanya.



Kementerian yakin dengan perancangan strategik seperti digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, sasaran menempatkan universiti tempatan dalam ranking 100 terbaik dunia dapat dicapai lebih awal daripada jangkaan”

Idris Jusoh,
Menteri Pendidikan Tinggi